

27 JUN 2003

UMS-Mahathir

UMS SERAP KONSEP PEMIKIRAN DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menyerapkan konsep pemikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembelajaran dan pengajaran universiti itu, kata Naib Canselornya Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman.

Beliau berkata universiti itu kini menyusun strategi untuk melaksanakan konsep itu bagi membolehkan generasi sekarang, terutama pelajar UMS mempelajarinya.

"Beliau (Dr Mahathir) adalah pemimpin yang amat berpengalaman dan bertaraf dunia. Oleh itu, ketokohan dan kepimpinan beliau harus dipelajari untuk digunakan bagi membangunkan negara kita," katanya.

Dr Abu Hassan berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri syarahan profesor bertajuk Sel Molekul, Biologi dan Biodiversiti oleh Prof Dr Ho Coy Choke dari Fakulti Sains dan Teknologi UMS, di kampus induknya di Teluk Likas, dekat sini hari ini.

UMS akan memperkenalkan konsep pemikiran Dr Mahathir itu melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) yang akan dimulakan sebaik sahaja Senat universiti memperakukannya.

"Kita akan meminta Senat mengkaji pembangunan sukatan dan memasukkannya dalam pengajian akademik universiti...malah buku-buku yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun kita akan jadikan sebagai teks pembelajaran," katanya.

Dr Abu Hassab berkata PPIB merupakan pusat yang memberikan pendidikan liberal kepada semua pelajar UMS, dan dengan itu, konsep pemikiran Dr Mahathir dalam semua aspek pasti akan memberi manfaat kepada mereka.

"Kita akan berikan penekanan dalam segala aspek idea atau pemikiran Dr Mahathir...idea politiknya, ekonomi, pemikiran sosial, pendidikan dan pembangunan masyarakat," katanya.

Mengenai saranan Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Khamsiyah Yeop supaya mahasiswa mengikuti dua pengkhususan mata pelajaran ketika menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha menangani masalah pengangguran, beliau berkata UMS sudah melaksanakan prinsip yang hampir sama iaitu pelajar wajib mengambil bidang utamanya dan satu lagi bidang yang boleh memperkukuhkan bidang asalnya.

"Misalnya, pelajar kejuruteraan akan mengambil subjek perniagaan dan pelajar sains kita mengambil mata pelajaran pemasaran dan ini memang kita laksanakan di UMS, malah kita mahu memperluaskan lagi," katanya.

Mengenai tenaga pengajar di UMS, Dr Abu Hassan berharap 80 peratus daripada mereka akan memiliki ijazah kedoktoran (PhD) menjelang 2010.

"Kita ada mengambil pensyarah tempatan (Sabah) yang berkelayakan tetapi pada masa yang sama, kita tidak berkompromi mengenai soal kualiti. UMS bukanlah ejen untuk memberi pekerjaan.

"Saya sendiri tidak akan berkompromi tentang kualiti...yang ini saya boleh beri jaminan kepada anda. Apa yang kita buat ialah mengambil pensyarah atau tenaga pengajar yang terbaik dan berkelayakan bagi menghasilkan graduan yang cemerlang yang mampu bersaing di pentas global," katanya.

Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris, beliau berkata UMS akan mematuhi saranan kerajaan supaya bidang sains dan kejuruteraan diajar dalam bahasa Inggeris.

"Pada masa ini, 50 peratus kursus yang ditawarkan menggunakan Bahasa Inggeris dan kita akan mempertingkatkan lagi penggunaannya untuk kebaikan

pelajar," katanya.

Mengenai kerjasama UMS dengan beberapa universiti di China, Dr Abu Hassan berkata usaha sedang dibuat bagi melaksanakan pertukaran tenaga pengajar dan pelajar dalam bidang sains, kejuruteraan dan perubatan herba.

"Saya telah melawat beberapa universiti di Beijing dan Shanghai dan kita telah mengenal pasti universiti-universiti yang sesuai untuk tujuan kerjasama," katanya.

-- BERNAMA

NT LAT